



**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT INDIA DI  
SUNGAI SIPUT (U), PERAK**

**VINOTHA A/P RAMARAO  
39245**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2015**

**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT INDIA DI  
SUNGAI SIPUT (U), PERAK**

**VINOTHA A/P RAMARAO**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Pengurusan seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2015

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the.....day of.....2016.

**Student's Declaration:**

**VINOTHA A/P RAMARAO, 39245, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF**

I.....hereby declare  
that the work entitled.....  
**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT INDIA DI SUNGAI SIPUT**

(U) PERAK,

.....is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

**VINOTHA A/P RAMARAO(39245)**

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

**ENCIK ANDREAS SUDJUD DARTANTO**

I.....hereby certifies that  
the work.....  
**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT INDIA DI SUNAGI SIPUT:**

entitle.....(U) PERAK,

....was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment

of.....**BACHELOR OF APPLIED APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT),**

.....and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **ENCIK ANDREAS SUDJUD DARTANTO**

Date: \_\_\_\_\_

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

#### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_

Supervisor signature: \_\_\_\_\_

Current Address:

**NO. T-17 KAMPUNG MUHIBBAH  
FASA 1,  
31100 SUNGAI SIPUT (U)  
PERAK DARUL RIDZUAN.**

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT INDIA DI SUNGAI SIPUT (U) PERAK**” telah disediakan oleh **VINOTHA A/P RAMARAO** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Andreas Sudjud Dartanto)

Tarikh: \_\_\_\_\_

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

---

(Vinotha A/P Ramarao)

39245

Program Pengurusan Seni

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana saya berjaya menyempurnakan penyelidikan tahun akhir dengan merentasi banyak dugaan dan cabaran sepanjang proses menghasilkan penyelidikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Encik. Andreas Sudjud Dartanto yang sangat bersedia membimbing saya dalam penghasilan penyelidikan saya pada setiap masa. Selain penyelia, saya sangat menghargai jasa pensyarah-pensyarah dari program lain yang turut memberi bantuan yang ikhlas semasa menghasilkan penyelidikan tersebut.

Saya ingin sangat berterima kasih kepada seluruh keluarga saya terutama ayah En. Ramarao dan ibu, Puan. Santhi yang sudi memberi sokongan padu dalam menyiapkan projek saya sepanjang proses penghasilan. Selain itu, tidak terlupa juga sahabat-sahabat handai yang sudi bekerjasama dengan saya dalam proses pengumpulan maklumat semasa proses penyelidikan yang sangat membantu meringankan beban dalam pengumpulan data. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada respondan-respondan yang sudi meluangkan masa untuk memberi maklumat terhadap soalan yang dikemukakan tentang pilihan tajuk saya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua jasa baik yang sudi membantu saya dalam menghasilkan penyelidikan tahun akhir saya. Semasa penghasilan, saya telah mempelajari lebih banyak kisah tentang tajuk pilihan dan selain daripada itu. Namun, saya memohon maaf kepada semua golongan jika tersilap bahasa atau tingkah laku sepanjang proses penghasilan penyelidikan saya.

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

<b>Tajuk Tesis.....</b>	<b>ii</b>
<b>Borang Pengesahan Status Tesis / Laporan.....</b>	<b>iii</b>
<b>Pengesahan dan Tandatangan Penyelia.....</b>	<b>iv</b>
<b>Borang Pengakuan.....</b>	<b>vi</b>
<b>Penghargaan.....</b>	<b>vii</b>
<b>Isi Kandungan.....</b>	<b>viii</b>
<b>Abstrak.....</b>	<b>xiii</b>
<i>Abstract.....</i>	<b>xiv</b>
<b>1. BAB 1 : PENGENALAN</b>	
<b>    1.0 Pendahuluan Bab.....</b>	<b>1</b>
<b>    1.1 Latar Belakang Kajian.....</b>	<b>2</b>
<b>    1.2 Permasalahan Kajian.....</b>	<b>4</b>
<b>    1.3 Persoalan Kajian.....</b>	<b>5</b>
<b>    1.4 Objektif Kajian.....</b>	<b>6</b>

<b>1.5 Kepentingan Kajian.....</b>	<b>7</b>
<b>1.6 Batasan Kajian.....</b>	<b>8</b>
<b>1.7 Skop Kajian.....</b>	<b>9</b>
<b>1.8 Rumusan Bab.....</b>	<b>10</b>
 <b>2. BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN</b>	
<b>2.0 Pendahuluan Bab.....</b>	<b>11</b>
<b>2.1 Kajian Literatur.....</b>	<b>12</b>
<b>2.1.1 Pengurusan.....</b>	<b>12</b>
<b>2.1.2 Perkahwinan.....</b>	<b>13</b>
<b>2.1.3 Adat Istiadat.....</b>	<b>14</b>
<b>2.1.4 Perubahan Pengurusan Perkahwinan Masyarakat India.....</b>	<b>15</b>
<b>2.2 Rumusan Bab.....</b>	<b>17</b>
 <b>3. BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	
<b>3.0 Pendahuluan Bab.....</b>	<b>18</b>
<b>3.1 Lokasi Kajian.....</b>	<b>19</b>

<b>3.2 Kaedah Kajian.....</b>	<b>20</b>
<b>3.2.1 Data Primer.....</b>	<b>20</b>
<b>3.2.2 Data Sekunder.....</b>	<b>20</b>
<b>3.3 Instrumen Kajian.....</b>	<b>21</b>
<b>3.4 Rumusan Bab.....</b>	<b>23</b>
<b>4. BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</b>	
<b>4.0 Pendahuluan Bab.....</b>	<b>24</b>
<b>4.1 Penganalisaan Data.....</b>	<b>25</b>
<b>4.2 Perkahwinan.....</b>	<b>26</b>
<b>4.3 Adat Istiadat Perkahwinan India.....</b>	<b>27</b>
<b>4.3.1 Awal Penyediaan Perkahwinan.....</b>	<b>27</b>
<b>4.3.2 Sebelum Perkahwinan.....</b>	<b>32</b>
<b>4.3.3 Semasa Perkahwinan.....</b>	<b>35</b>
<b>4.3.4 Selepas Perkahwinan.....</b>	<b>39</b>
<b>4.4 Perubahan Terhadap Pengurusan Perkahwinan India.....</b>	<b>45</b>
<b>4.4.1 Kurang Didikan Agama.....</b>	<b>45</b>

<b>4.4.2 Pengaruh Budaya Fesyen.....</b>	<b>46</b>
<b>4.4.3 Sumber Pendapatan Individu.....</b>	<b>46</b>
<b>4.4.4 Sumber Pengurus Yang Tinggi.....</b>	<b>47</b>
<b>4.4.5 Promosi Pakej Perkahwinan Yang Berleluasa.....</b>	<b>48</b>
<b>4.5 Kesan Perubahan Terhadap Pengurusan Perkahwinan India.....</b>	<b>49</b>
<b>4.5.1 Pengurangan Mengenali Adat Istiadat.....</b>	<b>49</b>
<b>4.5.2 Fikiran Materialistik Yang Melampau.....</b>	<b>49</b>
<b>4.5.3 Sumber Kewangan Menjadi Pilihan Utama.....</b>	<b>50</b>
<b>4.5.4 Perkahwinan Menjadi Protokol.....</b>	<b>51</b>
<b>4.6 Rumusan Bab.....</b>	<b>52</b>

## **5. BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN**

<b>5.0 Pendahuluan Bab.....</b>	<b>53</b>
<b>5.1 Rumusan.....</b>	<b>54</b>
<b>5.2 Cadangan Pengkaji.....</b>	<b>56</b>
<b>5.2.1 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang.....</b>	<b>56</b>
<b>5.2.2 Cadangan Kepada Ibu Bapa.....</b>	<b>56</b>

<b>5.2.3 Cadangan Kepada Pengurus Majlis Perkahwinan.....</b>	<b>57</b>
<b>5.3 Kesimpulan.....</b>	<b>58</b>
<b>Bibliografi.....</b>	<b>59-60</b>
<b>Lampiran A.....</b>	<b>61</b>
<b>Lampiran B.....</b>	<b>62</b>
<b>Lampiran C.....</b>	<b>63</b>
<b>Lampiran D.....</b>	<b>64</b>

## **ABSTRAK**

Kajian ini menekankan tentang pengamalan awal adat istiadat terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India. Selain itu, hasil kajian ini juga menganalisis tentang perubahan terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India yang mempengaruhi budaya pada generasi kini. Di samping itu, kajian ini memberi penelitian terhadap kesan perubahan terhadap pengurusan perkahwinan yang kini menjadi saingen kepada masyarakat India.

## ***ABSTRACT***

*This study emphasizes the practice of early marriage customs in the management of the Indian community. In addition, the study also analyzes the changes in the management of the Indian wedding that affect the culture in the present generation. Hereby, this study also provides the impact through changes in the management of marriage which is now a rival to the Indian community.*

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan Bab**

Kajian ini adalah berkaitan dengan Pengurusan Perkahwinan Masyarakat India di Sungai Siput, Perak. Bab ini telah dikaji dari segi beberapa aspek subtajuk iaitu menerangkan tentang latar belakang kajian, definisi, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan rumusan bab. Perkara ini dikaji dari segi format yang telah ditetapkan khususnya tentang tajuk berkaitan.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Kewujudan agama Hindu adalah sekitar 2500SM, dan asal-usul atau negara asal generasi masyarakat India yang hidup di seluruh dunia merupakan daripada negara India. Masyarakat India dipisahkan atau dikategorikan melalui bahasa bermula dengan bahasa Tamil, Malayalam, Telugu, dan Sikh bukan kesemua masyarakat India yang bermastautin di Malaysia merupakan penganut agama Hindu ada di kalangan mereka memeluk agama Islam yang lebih dikenali sebagai masyarakat India Muslim dan juga penganut agama Kristian. Asal perkataan Hindu adalah daripada sungai Sindhu yang merupakan nama lain untuk sungai Indus.

Selain daripada agama, masyarakat India kaya dengan aspek warisan, kesenian dan juga kebudayaan, jikalau kita lihat tentang aspek warisan masyarakat mengamal intisari warisan dalam beberapa perkara seperti aspek kelahiran, perkahwinan, dan juga kematian. Pendedahan terhadap kelahiran dan kematian amat dipraktikkan oleh pengkaji malah pendedahan terhadap perkahwinan kurang diperkatakan oleh masyarakat seperti mana yang dikaji oleh pengkaji. Hasil kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji seterusnya ialah pengurusan perkahwinan masyarakat India di Sungai Siput, Perak yang mempunyai kandungan mengenai asal usul adat istiadat dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India, perubahan pengurusan terhadap perkahwinan masyarakat India dan kesan perubahan pengurusan terhadap perkahwinan masyarakat India darin segi sosial,ekonomi dan budaya.

Dari segi kefahaman umum pengkaji, perkahwinan merupakan satu perhubungan pasangan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan yang bersatu untuk memulakan

kehidupan baru dengan persetujuan kedua-dua ibu bapa pengantin. Meinzen (1980) menyatakan bahawa makna perkahwinan merujuk kepada ikatan sepanjang hayat. Perkahwinan juga merupakan istiadat yang paling penting dalam kitaran hidup seseorang yang telah mencapai usia dewasa. Ia dianggap sebagai sesuatu kemestian untuk mencapai 3 elemen dalam ajaran agama Hindu iaitu *dharma* (tanggungjawab individu kepada keluarga dan masyarakat), *praja* (keturunan) dan *rati* (kepuasan). Akan tetapi, perlangsungan pengurusan terhadap perkahwinan tidak diamalkan seperti mana yang dilakukan pada masa dahulu. Ciri-ciri sesebuah adat istiadat terhadap sesuatu perkahwinan tidak mempertimbangkan ajaran yang patut diamalkan sejak turun temurun.

Namun, berlaku beberapa perubahan terhadap pengurusan perkahwinan dalam kalangan masyarakat India yang membawa implikasi terhadap budaya Hindu. Pengkaji akan sedaya upaya mengumpul dan menganalisis maklumat tentang pengurusan perkahwinan masyarakat India yang patut diamalkan oleh penganut Hindu di Malaysia.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Dari segi peninjauan pengkaji terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India di Sungai Siput, Perak telah dikenalpasti beberapa permasalahan yang menjadi titik permulaan dalam kajian ini. Berikutnya adalah masalah-masalah yang telah dikupas oleh pengkaji dalam kajian ini,

- a) Kini, masyarakat India di Sungai Siput, Perak tidak begitu mementingkan adat istiadat yang dilangsungkan sejak turun temurun dalam pengurusan perkahwinan. Ini menyebabkan mereka tidak mengetahui isi tersirat terhadap perngurusan perkahwinan yang hendak dilangsungkan.
- b) Golongan muda generasi kini di Sungai Siput, Perak lebih terpengaruh dengan budaya barat dan fesyen dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India. Mereka tidak mementingkan kepercayaan dan adat istiadat yang harus dilangsungkan semasa perkahwinan. Budaya fesyen dan kepentingan materialistik telah menjadi fokus utama kepada masyarakat pada generasi ini.
- c) Hasil daripada tinjauan di kawasan Sungai Siput, Perak terhadap pengurusan perkahwinan pada masa ini yang lebih mementingkan pengaruh barat dan materialistik, telah mengakibatkan perkembangan generasi kini masyarakat India terhadap pengurusan perkahwinan dari segi sosial, ekonomi dan budaya.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Melalui permasalahan kajian yang berikut, pengkaji ingin mencari jalan penyelesaian untuk menerapkan semula adat istiadat masyarakat India di Sungai Siput, Perak dalam pengurusan perkahwinan yang telah digunakan ketika zaman nenek moyang. Pengkaji harap perkara ini dapat memberi kesan positif terhadap perlangsungan pengurusan perkahwinan masyarakat India pada generasi ini. Namun, pengkaji telah menimbulkan beberapa persoalan terhadap permasalahan kajian yang dikaji. Berikutnya adalah :-

- a) Apakah asal usul adat istiadat terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India?
- b) Apakah perubahan berlaku terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India pada generasi ini ?
- c) Bagaimanakah perubahan tersebut memberi kesan terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India dari segi sosial, ekonomi, dan budaya?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Tugasan ini penuh dikaji bagi mempertimbangkan masyarakat India pada generasi kini hendak melangsungkan pengurusan perkahwinan dengan cara yang betul tanpa menyelitkan pengaruh lain mengugat asal usul kepercayaan yang ikut daripada nenek moyang kita. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif dalam menghasilkan tugas ini yang berkait rapat dengan tajuk yang dipilih. Antaranya ialah

- i. Mengenalpasti asal usul adat istiadat terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India di Sungai Siput, Perak.
- ii. Menganalisis perubahan terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India di Sungai Siput, Perak.
- iii. Mengenalpasti kesan perubahan dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India dari segi sosial, budaya dan ekonomi di kawasan Sungai Siput, Perak.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini menjadi salah satu perkara yang harus dipraktikkan pada masa kini untuk mengekalkan amalan dan ajaran yang telah dititikberatkan oleh masyarakat India pada generasi awal seperti nenek moyang keluarga sendiri. Pengkaji telah menganalisis perlangsungan sesebuah majlis perkahwinan pada masa ini tidak begitu menceritakan tentang tradisi dan adat yang sepatutnya dilangsungkan terutamanya dalam pengurusan itu sendiri.

Namun, pengkaji ingin menerapkan serba sedikit pengetahuan tentang pengurusan perkahwinan masyarakat India yang seharusnya dijalankan sepanjang majlis perkahwinan tersebut berlangsung. Perkara ini harus dipraktikkan secara konsisten disebabkan oleh masyarakat India pada generasi kini tidak terpengaruh dengan budaya luar yang menjadi intisari ke arah modenisasi terutamanya masyarakat India di kawasan Sungai Siput, Perak.

Kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada pembaca bagi menerapkan tradisi dan kepercayaan nenek moyang secara mendalam disepanjang tugasannya berakhir. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui perubahan yang ketara terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India pada masa ini di kawasan Sungai Siput, Perak. Hasil kajian ini, pengkaji telah mengetahui betapa pentingnya adat istiadat dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India yang harus diamalkan pada masa kini untuk mengelakkan kesan dari segi sosial, budaya dan ekonomi.

## **1.6 Batasan Kajian**

Dalam penyediaan penyelidikan ini, pengkaji telah melalui beberapa batasan yang menghadapi semasa pengumpulan maklumat atau data berkaitan dengan penyelidikan tersebut. Pengkaji telah menghadapi masalah dalam pencarian sumber manusia di kawasan Sungai Siput, Perak untuk menemuramah golongan yang pakar bagi mengetahui adat istiadat yang hendak dikaji. Hal ini mengambil jangka masa yang panjang untuk memilih sumber yang tepat dalam mendapatkan maklumat tersebut.

Selain itu, sumber yang didapati oleh pengkaji juga menghadapi masalah dalam perjumpaan mereka disebabkan masing-masing menguruskan kerja penting mereka yang terpaksa menukar tarikh dan masa seperti mana yang ditetapkan. Beberapa perkara ini telah menjadi masalah dalam menghasilkan penyelidikan dalam masa dan maklumat yang terhad.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan ini hanya dari segi pengurusan perkahwinan masyarakat India yang bermastautin di Sungai Siput, Perak. Dalam penyelidikan ini, pengkaji menerapkan asal usul adat istiadat masyarakat India dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India. Selain itu, pengkaji meneruskan kajian ini dengan mengkaji perubahan dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India.

Disamping itu, pengkaji juga telah melanjutkan penyelidikannya dengan aspek kesan berlakunya terhadap perubahan dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India iaitu dari segi sosial, budaya dan ekonomi. Dalam hasil kajian ini, pengkaji semata-mata memfokuskan terhadap masyarakat India di kawasan pilihan iaitu Sungai Siput, Perak untuk menjalankan penyelidikan ini. Hal ini pengkaji dapat mengetahui segala maklumat tentang pengurusan perkahwinan masyarakat India pada masa dahulu dan pada masa ini.

## **1.8 Rumusan Bab**

Secara kesimpulannya, bab ini telah menerangkan secara ringkas tentang pengenalan terhadap kajian yang diselidik dengan lebih fokus dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India di Sungai Siput, Perak. Dalam kajian ini telah mengagihkan lagi beberapa subtajuk yang menerangkan lebih lanjut tentang penyelidikan ini. Objektif kajian menjadi fokus terhadap asal usul adat istiadat pengurusan perkahwinan, perubahan pengurusan perkahwinan masa kini dan kesan perubahan dari segi sosial, budaya dan ekonomi. Dalam permasalahan kajian pula, pengkaji telah mengupas masalah yang dihadapi dalam pengurusan perkahwinan masyarakat India yang membawa persoalan yang berbeza untuk menyelesaikan masalah tersebut. Dari segi skop kajian pula, pengkaji telah menumpukan apa yang sebenarnya hendak dikaji sepanjang penghasilan kajian ini. Seterusnya dalam kepentingan kajian pula, pengkaji telah menerapkan betapa penting asal usul dikenali oleh masyarakat India mahupun masyarakat umum agar kajian ini dapat menjadi sebagai rujukan terhadap pengurusan perkahwinan masyarakat India di Sungai Siput, Perak.